

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah polisi dan spesifikasi Kerajaan Pusat terhadap pelaksanaan proses *Request for Proposal* (RFP) membabitkan projek-projek yang telah dan bakal dilaksanakan. Perincian dengan contoh-contoh sedia ada membabitkan pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan perolehan semasa menetapkan bahawa perolehan melalui kaedah tender *Request for Proposal* (RFP) adalah dibenarkan bagi projek bekalan/ perkhidmatan *Information and Communication Technology* (ICT) atau pembinaan fizikal yang kompleks di mana spesifikasi projek yang komprehensif dan terkini tidak dapat dikenalpasti dan memerlukan input atau cadangan daripada industri berdasarkan skop projek.

Untuk melaksanakan RFP, Kementerian/Agensi perlu jelas tentang matlamat, visi dan fungsi projek yang hendak dilaksanakan bagi membantu syarikat menyediakan cadangan penyelesaian.

Sebagai contoh, perolehan bekalan/perkhidmatan ICT yang telah dilaksanakan secara RFP adalah projek Sistem Imigresen Bersepadu di bawah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Manakala bagi projek pembinaan fizikal yang telah dilaksanakan secara RFP adalah projek pembinaan hospital di bawah Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sekian, terima kasih.